

# Tindakan perusahaan menakutkan pelabur asing: PM

AYER KEROH, Sabtu — Perdana Menteri hari ini menyifatkan langkah mana-mana kesatuan sekerja untuk mengambil tindakan perusahaan seperti mogok bagi menyelesaikan masalah berbangkit sebagai menghalang perkembangan mereka sendiri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sebarang tindakan perusahaan akan menakutkan usahawan asing melabur di negara ini, dan ini memberi kesan negatif kepada kedua-dua pihak, kerajaan dan sektor awam.

“Sekiranya kita terlalu mudah mengambil tindakan perusahaan yang menjejaskan iklim pelaburan dan keeluruhan ekonomi negara serta seterusnya menghalang perwujudan peluang pekerjaan, kadar pengangguran di negara ini akan meningkat.

“Oleh kerana setiap mereka yang menganggur itu mungkin menjadi ahli aesebuah kesatuan sekerja eekiranya mereka mendapat pekerjaan, tindakan mana-mana kesatuan yang menghalang pengwujudan peluang pekerjaan adalah seperti menghalang perkembangan mereka sendiri,” katanya ketika menjawab soalan pemberita selepas meraamikan mesyuarat agung Gabungan Peratuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia di sini.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas cadangan Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) (pihak pekerja) bagi Badan Berkanun untuk mengadakan mogok November depan eekiranya tidak mendapat jawapan menggalakkan daripada Kerajaan berhubung tuntutan pelarasan gaji kakitangan awam.

MBK Badan Berkanun disingkir daripada Majlis Penyelaras rundingan tuntutan pelarasan gaji kakitangan awam, yang dianggotai oleh empat MBK lain iaitu bagi kuasa-kuasa tempatan, perkhidmatan perguruan, kakitangan rendah dan perkhidmatan awam kerana keenggannya menarik balik keputusannya untuk mogok.

Perdana Menteri sekali lagi mengingatkan kesatuan sekerja di negara ini bahawa mereka juga mempunyai tanggungjawab menjaga serta memastikan iklim ekonomi negara yang menggalakkan sekarang tidak terjejar.